



Realiti Keperluan Asnaf Fakir Dan Miskin Di Sarawak

MOHD SYAHIRAN ABDUL LATIF, SHARIFAH ANOM OMAR dan M.Z. MOHD ZIN
Akademi Pengajian Islam Kontemporari, Universiti Teknologi MARA Sarawak, MALAYSIA
Email : syahiran@uitm.edu.my | Tel: 0136060164 | Faks: 082677300

Received: May 30 , 2021

Accepted: June ,22 2021

Online Published: June 30 , 2021

Abstrak

Gabungan kecanggihan teknologi digital dalam proses pungutan zakat di Malaysia telah berjaya melonjakkan jumlah pendapatan zakat disamping memberi kemudahan kepada *muzakki* di seluruh Malaysia. Peningkatan yang positif ini turut disumbang oleh usaha dan kreativiti institusi zakat dalam menambah jumlah pembayar zakat di Malaysia menerusi kempen dan aktiviti yang dijalankan. Secara keseluruhannya dapat dilihat bahawa institusi zakat di Malaysia telah berjaya meningkatkan jumlah kutipan zakat di negeri masing-masing. Di Sarawak misalnya, kutipan zakat di bawah Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) terus meningkat setiap tahun dan peningkatan yang positif ini mencerminkan kecekapan sistem pungutan zakat yang dikelolakan oleh TBS. Namun berdasarkan kepada kajian yang dilakukan ke atas agihan zakat yang dijalankan oleh TBS didapati masih terdapat golongan asnaf yang masih terbelenggu dengan masalah kemiskinan walaupun telah sekian lama menerima bantuan zakat. Kajian ini bertujuan melihat secara perbandingan keperluan sebenar asnaf di kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar berdasarkan kepada ukuran enam item keperluan asas. Dapatan kajian mendapati bahawa makanan dan kenderaan merupakan keperluan tertingggi golongan ini berbanding item-item lain. Kajian turut mencadangkan kepada TBS untuk menilai semula sistem dan kaedah agihan berdasarkan kepada keperluan semasa asnaf supaya agihan dapat mencapai sasaran.

Kata kunci: keperluan zakat, asnaf, fakir dan miskin

1.0 Pengenalan

Kesan dari pelbagai usaha dan inovasi kutipan zakat yang dilakukan telah menjadikan hasil pungutan zakat berjaya dilonjakkan sehingga mencapai ke suatu tahap yang dianggap berjaya dan mencapai sasaran. Menurut Hairunnizam et al. (2011) Secara keseluruhannya, jumlah kutipan zakat di setiap negeri di Malaysia telah mengalami peningkatan yang amat memberangsangkan iaitu sebanyak 220.6 peratus, bermula daripada RM373 juta pada tahun 2002 kepada RM1.19 bilion pada tahun 2009. Peningkatan kutipan ini berlaku kerana tahap kesedaran membayar zakat dalam kalangan masyarakat semakin meningkat berserta dengan pelbagai kemudahan dan kaedah pembayaran yang disediakan kepada masyarakat (Hairunnizam et al., 2011).

Di negeri Sarawak, hasil daripada usaha gigih Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) telah berjaya meningkatkan perolehan kutipan zakatnya sebanyak RM285.96 juta dari tahun 1999 sehingga 2011 (Buletin Baitulmal, Februari 2012 & The Star, Februari 2012). Manakala laporan tahun 2012 telah merekodkan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) telah berjaya meningkatkan jumlah kutipan zakatnya melepasi jumlah RM50 juta melalui kutipan zakat persendirian dan perniagaan. Kejayaan ini adalah suatu pencapaian yang amat memberangsangkan berbanding laporan pada tahun 2001 di mana jumlah hasil pungutan zakat negeri Sarawak hanya sekadar berada di bawah angka RM10 juta sekaligus menjadikan negeri Sarawak pada ketika itu antara negeri yang paling sedikit pungutan zakatnya sebaris dengan negeri Perlis dan Sabah (Hairunnizam, 2004). Peningkatan positif ini mencerminkan kecekapan sistem pengurusan kutipan zakat yang dikelolakan oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS). Adalah sesuatu yang amat mengujakan bagaimana kejayaan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) meningkatkan hasil kutipan zakatnya dalam ketika kelompok masyarakat muslim yang hanya sekitar 32 peratus di negeri Sarawak (DOSM, 2010). Kejayaan tersebut menjadi tanda aras kecemerlangan sistem kutipan zakat di bawah pengurusan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) yang tidak perlu dipertikaikan lagi.

Hasil daripada kutipan zakat yang dikumpul oleh Tabung Baitulmal Sarawak (TBS) telah diagih dan disalurkan melalui tiga program utamanya iaitu Program Memperkukuhkan Tradisi Keilmuan (PMTK), Program Memantapkan Kebajikan Ummah (PMKU) dan Program Membangunkan Institusi Islam (PMII). Agihan zakat tertinggi yang direkodkan pada setiap tahun adalah agihan untuk Program Memperkukuhkan Tradisi Keilmuan (PMTK) menerusi asnaf *fi sabilillah* dan Program Memantapkan kebajikan Ummah (PMKU) menerusi asnaf fakir dan miskin. Menerusi Program Memantapkan Kebajikan Ummah, penerima zakat dalam kategori fakir dan miskin akan diberikan bantuan zakat secara



bulanan bagi tujuan meringankan beban tanggungan hidup mereka. Berdasarkan kepada amalan Tabung Baitulmal Sarawak (TBS), pengagihan hasil kutipan zakat disalurkan kepada semua lapisan asnaf berdasarkan kepada permohonan semasa zakat tersebut dikumpul. Namun begitu, tiga kelompok asnaf iaitu, fakir, miskin dan *fi sabilillah* mendapat peruntukan agihan paling tinggi dan banyak setiap tahun berbanding asnaf-asnaf lain.

Berdasarkan kepada rekod agihan yang dilakukan oleh TBS, kelompok asnaf fakir, miskin dan *fi sabilillah* adalah antara yang mendapat peruntukan agihan paling tinggi dan banyak setiap tahun berbanding asnaf-asnaf lain. Namun begitu, setelah sekian lama zakat diagihkan kepada golongan ini, masih terdapat ramai fakir dan miskin yang tidak terlepas dari belenggu kemiskinan hinggalah ada dikalangan mereka yang telah bertahun lamanya menerima bantuan zakat. Justeru kajian ini bertujuan untuk menilai apakah keperluan sebenar golongan asnaf fakir dan miskin ini berdasarkan kepada enam item keperluan asas (*daruriyyat*) sebagaimana yang telah digariskan oleh kebanyakan institusi zakat di Malaysia iaitu makanan, kediaman, kenderaan, pendidikan, perubatan dan pakaian. Keperluan asas (*daruriyyat*) diambilkira kerana ia merupakan fokus utama dalam mengukur *had al-kifayah* fakir dan miskin. Ini kerana agihan zakat perlu memenuhi dan mencukupi keperluan asas (*daruriyyat*) fakir dan miskin (al-Qaradhawi, 2000 & Parid, 2001)

2.0 Metodologi

Penulisan ini adalah berdasarkan kepada sorotan daripada kajian yang dijalankan seluruh bahagian di negeri Sarawak yang melibatkan seramai 850 orang responden beragama Islam dan berpendapatan di bawah garis kemiskinan. Proses perolehan data menggunakan kaedah persampelan bertujuan (*purposive sampling*) supaya membolehkan pengkaji menentukan responden yang sesuai dan khusus dengan tujuan kajian. Maka dengan sebab itulah individu yang dipilih sebagai responden dalam kajian ini mempunyai segala maklumat dan perspektif berkaitan dengan tujuan kajian penyelidik.

Untuk tujuan tersebut, responden yang terdiri daripada kelompok asnaf fakir dan miskin dari tiga kategori iaitu di kawasan bandar, pinggir bandar dan luar bandar telah diberikan satu set soalselidik berkonstruk bagi mengumpul maklumat mereka. Sesi pengisian soalselidik dikendalikan oleh pembantu kajian yang terlatih seramai 10 orang. Taburan soalselidik mengambilkira strategi berikut, iaitu hanya satu borang soalselidik diedarkan kepada setiap buah rumah yang dikenalpasti sebagai ketua keluarga ataupun orang yang bertanggungjawab menyara keluarga dengan pendapatan sedia ada. Analisa yang dilakukan ke atas data yang terkumpul adalah melibatkan frekuensi, *min* dan sisih piawai (*standard deviation*).

Selain itu, skor *min* diukur berdasarkan kepada interpretasi yang dikemukakan oleh Pallant (2007). Jadual pengukuran tahap skor *min* oleh Pallant (2007) ini adalah berdasarkan kepada tiga tahap iaitu nilai skor min 1.00 hingga 2.33 adalah pada tahap rendah, nilai skor min 2.34 hingga 3.66 adalah pada tahap sederhana, dan nilai skor *min* 3.67 hingga 5.00 adalah pada tahap tinggi. Pallant (2007) menyatakan bahawa skor *min* tiga tahap ini adalah lebih mudah dan bersesuaian bagi melihat perbezaan tahap.

Skor Min dan Interpretasi

Skor Min	Interpretasi (tahap)
1.00 – 2.33	Rendah
2.34 – 3.66	Sederhana
3.67 – 5.00	Tinggi

Sumber : Pallant (2007)




Walaupun terdapat banyak pandangan lain berkaitan dengan tahap pengukuran skor *min*, antaranya Nunnally & Bernstein (1994) mencadangkan empat tahap pengukuran iaitu tahap rendah (nilai skor *min* 1.00 - 2.00), tahap sederhana rendah (nilai skor *min* 2.01- 3.00), tahap sederhana tinggi (nilai skor *min* 3.01 - 4.00) dan tahap tinggi (nilai skor *min* 4.01 - 5.00). Sementara itu, Alias (1992) telah menginterpretasikan *min* kepada lima tahap pengukuran iaitu tahap sangat lemah (nilai skor *min* 0.10 - 0.20), tahap lemah (nilai skor *min* 0.21 - 0.40), tahap sederhana (nilai skor *min* 0.41 - 0.60), tahap kuat (nilai skor *min* 0.61 - 0.80) dan tahap sangat kuat (nilai skor *min* 0.81 - 1.00). Walaupun begitu, kajian mendapati tahap pengukuran skor *min* yang menggunakan tiga tahap oleh Pallant (2007) adalah sesuai dalam kajian ini kerana ianya lebih mudah, ringkas dan mudah untuk difahami.

Bagi tujuan penyelidikan ini juga, penyelidik menetapkan saiz sampel bagi pengumpulan data kuantitatif adalah sebanyak 850 orang responden. Penetapan tersebut bersesuaian dengan saranan daripada Hair et. al. (1998) yang mencadangkan jumlah sampel sekitar 200-500 orang sudah memadai. Selain itu, jumlah sampel yang ditetapkan dalam kajian ini melebihi jumlah sampel minima seramai 100 orang sebagaimana yang telah dicadangkan oleh Settle dan Alreck (1995) serta Idris (2010). Berdasarkan statistik penduduk negeri Sarawak tahun 2010 (statistic.gov.my, 2010) jumlah penduduk negeri Sarawak adalah seramai 2.471 juta orang dan 796,239.00 daripadanya adalah beragama Islam meliputi semua etnik di Sarawak. Namun begitu, bukan semua jumlah tersebut menyumbang kepada angka kemiskinan di negeri Sarawak.

3.0 Dapatan Kajian

Berdasarkan analisa data yang diperolehi, *min* bagi pendapatan responden di tiga buah kawasan tersebut adalah RM970.67 ($m=970.67$, $sd=270.43$) sebulan daripada maksimum pendapatan bulanan responden sebanyak RM1500 sebulan. *Min* pendapatan responden telah meletakkan purata pendapatan responden berada di bawah garis kemiskinan (PGK) sebagaimana yang telah ditetapkan untuk negeri Sarawak pada tahun 2014. Manakala *min* bagi perbelanjaan responden pula menunjukkan jumlah sebanyak RM998.66 ($m=998.66$, $sd=387.49$) seterusnya hasil daripada perbandingan antara pendapatan dan perbelanjaan responden, didapati secara purata perbelanjaan responden melebihi daripada jumlah pendapatan bulanan mereka. Kelompok ini dilihat amat berisiko menjadi fakir atau miskin kekal lebih-lebih lagi apabila berlaku inflasi dan kenaikan harga barangan keperluan asas. Dari sudut pecahan perbelanjaan minimum responden, kajian telah mendapati dominasi responden bagi perbelanjaan di antara RM500 sehingga RM1000 sebulan dengan jumlah seramai 470 orang (55.3%) berbanding perbelanjaan responden di bawah RM500 sebulan seramai 50 orang (5.9%), seterusnya jumlah responden yang berbelanja dari RM1001 hingga RM1500 sebulan mencatatkan jumlah seramai 223 orang (26.2%).

Manakala baki responden yang lain memperlihatkan perbezaan jarak yang ketara dalam corak perbelanjaan mereka. Bagi kategori perbelanjaan RM1501 hingga RM2000 seramai 100 orang (11.8%) berbelanja dalam kategori tersebut serta perbelanjaan dalam kategori RM2001 hingga RM2500 pula terdapat seramai 7 (0.8%) orang responden. Secara keseluruhannya, corak perbelanjaan responden berada dalam kategori sederhana sekaligus mendominasi keseluruhan perbelanjaan minimum *daruriyyat* responden di antara RM500 sehingga RM1000. Keadaan ini disebabkan oleh kebanyakan responden adalah terdiri daripada kumpulan berpendapatan rendah daripada kakitangan awam dan swasta di peringkat sokongan di mana corak perbelanjaan mereka dipengaruhi oleh jumlah pendapatan mereka.



Graf 4 Taburan Perbelanjaan Minimum Keperluan Asas (*Daruriyyat*)


Trend perbelanjaan memperlihatkan secara keseluruhannya seramai 61.2 peratus (61.2%) responden yang mewakili masyarakat Islam di Sarawak berbelanja di bawah RM1000 sebulan untuk keperluan asas *daruriyyat* dan sementara seramai 38.8 peratus (38.8%) responden berbelanja untuk keperluan asas *daruriyyat* dari RM1001 hingga RM2500 sebulan. (lihat Graf di atas).

Antara faktor yang mempengaruhi perbelanjaan responden adalah jumlah pendapatan yang kecil dan terhad selain jenis pekerjaan yang menghasilkan pendapatan kecil yang tidak mencukupi keperluan. Hal ini sebagaimana yang dikemukakan oleh Jariah (1982) menerusi kajian beliau yang telah merumuskan bahawa antara faktor yang mempengaruhi perbelanjaan adalah pendapatan yang sangat terhad untuk menampung keperluan isi rumah. Keadaan kewangan isi rumah yang terhad telah menghadkan perbelanjaan ke atas keperluan asas seperti makanan dan minuman (Nik Aida & Norhasmah, 2013)

Manakala berdasarkan data perbelanjaan yang diperolehi dari tiga kawasan iaitu bandar, pinggir bandar dan luar bandar mendapati, *min* perbelanjaan bagi keperluan makanan adalah RM372.75 ($n=850$, $sd=120.34$) sebulan dan *min* untuk perbelanjaan perubatan adalah sebanyak RM68.03 ($n=673$, $sd=74.45$) sebulan. Manakala *min* bagi perbelanjaan pendidikan adalah sebanyak RM116.97 ($n=637$, $sd=118.0$) sebulan, sementara *min* perbelanjaan untuk kenderaan pula adalah sebanyak RM220.23 ($n=794$, $sd=134.80$) sebulan. Seterusnya *min* bagi perbelanjaan bil utiliti dan kediaman pula sebanyak RM157.30 ($n=850$, $sd=87.09$) sebulan dan *min* bagi perbelanjaan pakaian adalah sebanyak RM63.37 ($n=492$, $sd=74.78$) sebulan.



Graf 5.6: Perbelanjaan Minimum Daruriyyat Responden Berdasarkan Pecahan Item Keperluan Asas Daruriyyat



Manakala pecahan perbelanjaan asas (*daruriyyat*) responden berdasarkan kepada kawasan kediaman, bandar, pinggiran bandar dan luar bandar telah menunjukkan garis perbezaan di antara ketiga-tiga kawasan tersebut. Laporan *min* bagi perbelanjaan makanan di kawasan bandar mencatatkan jumlah sebanyak RM443.32 ($n=850$, $sd=117.93$) sebulan. Manakala *min* bagi perbelanjaan makanan di kawasan pinggiran bandar adalah sebanyak RM363.91 ($n=850$, $sd=87.39$) sebulan seterusnya *min* bagi perbelanjaan makanan bagi kawasan luar bandar pula adalah sebanyak RM285.77 sebulan ($n=850$, $sd=100.50$).

Sementara *min* perbelanjaan untuk perubatan di kawasan bandar adalah RM80.142 ($n=257$, $sd=80.36$) sebulan, sementara RM65.33 ($n=251$, $sd=75.23$) sebulan bagi kawasan pinggiran bandar dan RM54.73 ($n=165$, $sd=61.22$) sebulan bagi kawasan luar bandar.


Manakala *min* bagi perbelanjaan pendidikan responden di kawasan bandar merekodkan perbelanjaan sebanyak RM141.77 ($n=246$, $sd=128.54$) sebulan manakala *min* bagi perbelanjaan pendidikan responden di pinggiran bandar adalah sebanyak RM108.15 ($n=238$, $sd=106.25$) sebulan dan *min* perbelanjaan pendidikan di kawasan luar bandar adalah sebanyak RM94.24 ($n=153$, $sd=111.92$) sebulan.

Seterusnya *min* perbelanjaan untuk kenderaan di kawasan bandar adalah sebanyak RM288.02 ($n=314$, $sd=142.34$) sebulan manakala bagi kawasan pinggiran bandar *min* perbelanjaan responden bagi kenderaan sebulan adalah sebanyak RM196.83 ($n=259$, $sd=125.01$) dan perbelanjaan kenderaan bagi kawasan luar bandar adalah RM157.16 ($n=219$, $sd=87.50$) sebulan.

Sementara itu, *min* bagi perbelanjaan sebulan kediaman di kawasan bandar adalah sebanyak RM178.80 ($n=316$, $sd=101.78$) sementara *min* perbelanjaan untuk kediaman di kawasan pinggiran bandar adalah RM169.38 ($n=143$, $sd=75.18$) sebulan dan perbelanjaan kediaman bagi kawasan luar bandar adalah RM110.50 ($n=309$, $sd=57.89$) sebulan.

Seterusnya *min* bagi perbelanjaan untuk pakaian di kawasan bandar adalah RM76.05 ($n=212$, $sd=78.35$) sebulan dan *min* bagi perbelanjaan responden di kawasan pinggiran bandar untuk pakaian adalah sebanyak RM52.78 ($n=151$, $sd=70.56$) sebulan dan perbelanjaan pakaian bagi kawasan luar bandar adalah RM60.06 ($n=129$, $sd=72.97$) sebulan. (rujuk graf di bawah)

Graf : Min Perbezaan Perbelanjaan Minimum Asas di Kawasan Bandar, Pinggiran Bandar dan Luar bandar Berdasarkan Pecahan Item Keperluan Asas



Dapatan analisa dan graf di atas, menunjukkan bahawa trend perbelanjaan responden di ketiga-tiga kawasan untuk item makanan adalah yang tertinggi diperuntukan dalam perbelanjaan untuk barangan asas *daruriyyat* seterusnya diikuti oleh item kenderaan, item kediaman dan seterusnya item-item lain. Senario ini dilihat signifikan dengan dapatan kajian Mohd Faris (2017) berkaitan kemaskini *had al-kifayah* negeri Selangor pada tahun 2015 selepas pelaksanaan GST (*Goods Service Tax*) yang mendapati harga barangan asas terutamanya makanan naik mendadak. Pandangan sama turut dikemukakan oleh Hairunnizam (2017) bahawa pelaksanaan GST memberi kesan terhadap kenaikan harga barangan keperluan asas sekaligus melebarkan lagi jurang keperluan dikalangan golongan fakir dan miskin.

Graf di atas turut menunjukkan bahawa responden di kawasan bandar merupakan kelompok yang paling tinggi berbelanja untuk keperluan asas *daruriyyat* diikuti kawasan pinggiran bandar dan seterusnya kawasan luar bandar. Seterusnya item perubatan dan pakaian dilihat paling sedikit dibelanjakan oleh responden di ketiga-tiga kawasan. Kewujudan dan penambahbaikan klinik-klinik kerajaan mungkin antara faktor yang telah membantu mengurangkan kos perbelanjaan perubatan masyarakat. Selain itu, trend perbelanjaan golongan ini yang hanya tersasar kepada keperluan paling utama memperlihatkan perbelanjaan untuk pakaian adalah yang paling sedikit berbanding item *daruriyyat* yang lain.

4.0 Rumusan

Secara keseluruhannya, analisis data ke atas perbelanjaan responden yang menetap di kawasan bandar, pinggiran bandar dan luar bandar mendapati, antara item yang paling tinggi perbelanjaan pada setiap bulan adalah makanan diikuti dengan perbelanjaan kenderaan dan seterusnya perbelanjaan kediaman. Corak perbelanjaan ini menggambarkan tiga item ini merupakan perkara utama yang didahulukan dalam perbelanjaan berbanding tiga item selebihnya. Kajian turut mendapati seramai 79.9 peratus responden menyatakan pendapatan mereka hanya sekadar untuk dibelanjakan bagi keperluan asas seperti makanan, pendidikan dan kediaman sahaja. Justeru itu, dicadangkan kepada pengurusan zakat negeri Sarawak supaya tiga item ini diberi keutamaan dalam menilai kepentingan terhadap jenis agihan yang akan diberikan kepada asnaf fakir dan miskin supaya agihan zakat dapat mencapai sasaran dalam memenuhi realiti sebenar keperluan golongan fakir dan miskin.



Rujukan

- Al-Qaradhawi, Y. (1996). *Fiqh al-Zakah Dirasah Muqaranah li Ahkam wa Falsafatiha fi Dhauiy al-Quran wa al-Sunnah*. Beirut, Lubnan: Muassasah al-Risalah.
- DOSM, D. (2010, September 12). *Trend Perbelanjaan isi rumah 1993/94–2009/10*. Didapatkan November 15, 2016, daripada Department of Statistic Malaysia: https://www.dosm.gov.my/v1/images/stories/files/LatestReleases/household/HES_0910.pdf
- Hairunnizam, W. (2011). Pengaruh Faktor Keagamaan Terhadap Kualiti Hidup Individu: Kajian Kes Asnaf Fakir Dan Miskin Di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. *Malaysian Jurnal of Consumer and Family Economics*, 14, 172-192.
- Hairunnizam, W. (2017, Oktober 3). Kajian *Had al-Kifayah* Negeri selangor. (Mohd Syahiran, Penemu duga)
- Mohd Parid, S. (2001). Kaedah Pengagihan Dana Zakat: Satu Perspektif Islam. Dalam W. Harunnizam, *Malaysian Jurnal of Consumer and Family Economics* (Jld. 14, hlm. 172-192). Kuala Lumpur.
- Faris, Mohd (2017, Oktober 2). Kajian *Had al-Kifayah* Negeri selangor. (Mohd Syahiran, Penemu duga)
- Tabung Baitulmal Sarawak. (2011, Disember). Agihan Bantuan Bagi Tempoh 1 Januari Sehingga 30 September 2011. *Al-Mal: Wahana Informasi Anda*, hlm. 16-17.
- Tabung Baitulmal Sarawak. (2012, November 28). *Buletin Tabung Baitulmal Sarawak*. Didapatkan dari TBS yakin mampu kumpul RM65 juta: <http://www.tabung-baitulmal-sarawak.org.my/berita.html>
- Tabung Baitulmal Sarawak. (2015, Disember 29). *Asnaf Agihan Zakat*. Didapatkan dari Tabung Baitulmal Sarawak: <https://www.tbs.org.my/www/?page=101>
- TBS. (2006). *Penyata Kutipan dan Agihan Dana Zakat Baitulmal bagi tempoh 1966 - 1984 dan 1985 - 2006*. Kuching, Sarawak.
- TBS. (2014, Januari 01). *Program Mengukuhkan Tradisi Keilmuan*. Didapatkan 2014, daripada Tabung Baitulmal Sarawak Majlis Islam Sarawak: <http://www.tbs.org.my/www/?page=103>